

29 APR 2001

Daim-Mokhzani

HORMATI KEPUTUSAN MOKHZANI, KATA DAIM

LANGKAWI, 29 April (Bernama) -- Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin berkata keputusan Datuk Mokhzani Mahathir untuk mengundurkan diri dari dunia korporat harus dihormati.

Daim yang diminta mengulas tentang perkara berkenaan berkata: "Itu keputusan dia, kita kena hormat, kenapa kita hendak kata betul atau tidak betul, dia mesti telah berfikir dan bebas buat keputusan apa yang dia mahu".

Mokhzani membuat pengumuman itu Khamis lepas kerana kecewa dengan tohmahan pihak yang tidak bertanggungjawab yang memburukkan nama beliau serta bapanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Daim ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), di sini, hari ini. Beliau dan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, yang turut hadir pada mesyuarat itu, adalah Pengerusi Bersama Lembaga Pengarah Lada.

Ditanya pendapatnya tentang ahli perniagaan yang menceburi politik, Daim berkata tiada halangan bagi ahli perniagaan memasuki politik, tetapi orang itu mestilah dapat menjalankan tugas dengan baik kepada masyarakat.

"Kita tidak menahan ahli perniagaan masuk politik, yang kita tak suka adalah kalau dia menggunakan wang untuk cari pengaruh, itu kita tidak setuju, kalau dia popular, sanggup bekerja memberi perkhidmatan dan rakyat memilih dia... kita terima," katanya.

Mengulas tentang kekecewaan Mokhzani mengenai tohmahan terhadap dirinya (diri Mokhzani), Daim berkata di negara ini orang suka kepada cerita-cerita khabar angin.

"Sebab itu saya suka tegaskan, sebelum memberi pendapat haruslah dapatkan fakta yang sebenarnya. Ini suka dengar khabar angin, surat layanglah, akhirnya ia menjadi satu budaya yang tidak menguntungkan sesiapa pun," katanya.

Menjawab soalan lain mengenai Langkawi, Daim berkata para pengusaha feri antara tanah besar dan Langkawi telah diminta mengemukakan laporan tentang harga tambang dan mutu perkhidmatan.

Katanya, laporan yang menyeluruh itu perlu disiapkan dengan segera.

Beliau berkata, langkah berkenaan diambil kerana kerajaan mahu memastikan para pengusaha feri menyediakan perkhidmatan yang efisien disamping kadar tambang yang tidak membebankan orang ramai.

Terdapat lima syarikat yang mengusahakan pengangkutan penumpang dari Kuala Kedah dan Kuala Perlis ke Langkawi. Kadar tambang sehalu dari Kuala Kedah adalah RM15 sementara dari Kuala Perlis RM12.

Beberapa pihak sebelum ini merungut kerana para pengusaha feri itu tidak lagi memberi diskaun kepada golongan tertentu, seperti pelajar sekolah.

-- BERNAMA

MZM ZB